

09 SEP 1996  
Klaus-Usahasama  
CZECH BERMINAT MEMBUAT TRAK BERSAMA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Republic Czech berminat mengadakan usahasama dengan rakan-rakan Malaysia dalam industri pembuatan truk, komponen kereta dan industri-industri tradisional Czech lain seperti membuat pasu.

Semasa bercakap pada persidangan berita di Carcosa Sri Negara di sini, tengah hari ini, Perdana Menteri Czech, Vaclav Klaus berkata: "Kita juga sedang mencari projek-projek yang menguntungkan dan juga berminat dalam projek-projek infrastruktur."

"Oleh kerana industri pembinaan berkembang pesat di sini, kita berminat menyertainya," kata beliau.

"Tujuan utama lawatan tiga hari saya ke negara ini ialah bagi membuka peluang-peluang baru, tetapi dalam bidang ini saya berpendapat ahli-ahli perniagaan lebih mengetahui selok-beloknya berbanding Perdana Menteri," kata beliau lagi.

Beliau berkata, paling penting ialah menggalakkan peniaga-peniaga melabur di mana ia menguntungkan.

Klaus yang tiba di sini semalam dengan diiringi oleh 30 ahli perniagaan berharap ahli-ahli perniagaan negaranya akan mengadakan hubungan perniagaan dengan rakan-rakan mereka di Malaysia.

Mengenai perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Klaus menganggapnya sebagai sangat berjaya dengan kedua-dua pemimpin itu bertukar pendapat dan maklumat mengenai politik antarabangsa dan penyusunan semula Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Beliau berkata, di samping perbincangan mengenai hubungan dua hala mereka juga membincangkan mengenai perdagangan dan ia merupakan petanda positif kepada kedua-dua negara.

"Kita membincangkan mengenai pelbagai kemungkinan untuk mengembangkan perdagangan antara kedua-dua negara dan Dr Mahathir mencadangkan supaya diadakan program khas seperti "Minggu Czech" di Malaysia di samping bertukar program televisyen dan pelancong," kata beliau.

Klaus berkata, negaranya telah melalui transformasi radikal sejak kejatuhan rejim komunis pada 1989, dan sangat tertarik dengan kejayaan dinamik dan pencapaian Malaysia dalam menyusun semula ekonominya.

Beliau percaya objektif Wawasan 2020 akan menjadi kenyataan. "Semasa lawatan saya, kita menemui sebuah negara baru yang ramah dan mahu mengadakan hubungan dua hala dan belajar sesuatu daripada pengalamannya," kata beliau lagi. -- BERNAMA

ZAB PR